



Semua Ketua Setiausaha Kementerian,  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1990**

---

**PERUNTUKAN BEKALAN PAKAIAN SERAGAM**

**1. TUJUAN**

1.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bertujuan menetapkan peraturan berhubung dengan peruntukan pembekalan pakaian seragam kepada kakitangan yang dibekalkan pakaian seragam. Peraturan ini adalah bagi jawatan-jawatan di dalam Perkhidmatan Awam Am.

**2. KELAYAKAN BEKALAN PAKAIAN SERAGAM**

2.1 Pada dasarnya penentuan kelayakan untuk membekalkan pakaian seragam adalah berdasarkan keperluan tugas jawatan tertentu. Pakaian seragam adalah dibekalkan berdasarkan asas-asas berikut:

- (a) Sebagai lambangkuasa yang diperuntukkan kerana tugas jawatan yang melibatkan penguatkuasaan undang-undang, memasuki kawasan, bangunan dan rumah-rumah untuk tujuan pemeriksaan. Pakaian seragam

dibekalkan bagi tujuan pengenalan diri pegawai kepada orang yang terlibat semasa menjalankan tugas mereka dan dikehendaki memakai pakaian seragam sepanjang waktu bertugas. Kakitangan yang terlibat adalah seperti Pengawal Keselamatan, Pembaca Meter, Jururawat dan Ahli Bomba.

- (b) Bagi tujuan perlindungan dan keselamatan diri kakitangan daripada percikan bahan-bahan kimia dan kekotoran semasa bertugas. Kakitangan terlibat dengan bidang tugas ini adalah seperti pekerja makmal, pekerja bengkel, pekerja am di luar pejabat dan wad rawatan pesakit; dan
- (c) Bagi tujuan kebersihan dan rupa. Ini melibatkan kakitangan seperti Pemandu dan Pembantu Am Rendah.

2.2 Kakitangan yang telah dibekalkan pakaian seragam adalah terus menerima kemudahan tersebut. Permohonan kelayakan pakaian seragam kepada kakitangan yang belum menikmati kemudahan tersebut perlu dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

### **3. PERATURAN PEMBEKALAN PAKAIAN SERAGAM**

3.1 Pakaian seragam adalah meliputi keseluruhan komponen yang melengkapkan reka bentuk pakaian seragam yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Pakaian Seragam bagi kakitangan Kerajaan dan

Badan-badan Berkanun di Jabatan Perdana Menteri dan meliputi perkara-perkara seperti berikut yang mana berkenaan:

- (a) pakaian
- (b) topi/songkok
- (c) kasut (kulit/kanvas/getah)
- (d) tali pinggang
- (e) tali leher

3.2 Jumlah pakaian seragam yang dibekalkan adalah berdasarkan kepada bidang tugas jawatan berkenaan seperti berikut:

- (a) kakitangan kumpulan perburuhan yang bekerja di luar pejabat/di dalam bengkel seperti pekerja am dan pekerja bengkel;

3 pasang pakaian seragam

2 pasang kasut

- (b) kakitangan pejabat yang lain.

2 pasang pakaian seragam

2 pasang kasut.

3.3 Pakaian seragam adalah dibekalkan secara langsung kepada pegawai berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan dan Pekeliling Kontrak Perbendaharaan yang dikuatkuasakan sekarang.

3.4 Bekalan Pakaian Seragam hendaklah dibuat sebelum akhir bulan April setiap tahun.

3.5 Rekabentuk dan warna pakaian seragam perlu dikekalkan. Sebarang pindaan ke atas rekabentuk dan warna perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelarasan Pakaian Seragam bagi kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun di Jabatan Perdana Menteri.

3.6 Ketua Jabatan perlu memastikan kakitangan yang dibekalkan pakaian seragam supaya memakainya semasa bertugas rasmi.

#### **4. TARIKH KUATKUASA**

4.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

#### **5. PEMBATALAN**

5.1 [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1976](#) (Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan) adalah dibatalkan.

#### **6. PEMAKAIAN**

6.1 Tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling ini juga dipanjangkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.



(DATO' MAHMUD BIN TAIB)  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

*Tarikh: 14 Ogos, 1990.*

s. k.

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun.  
Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.